

1 Mei 2021

Dikemaskini: 6 Mei 2021 – lokasi\* pemeriksaan VVI dibatalkan

Dikemaskini: 4 Mei 2021 – lokasi\* pemeriksaan VVI ditukar

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PUSPAKOM TAWAR PEMERIKSAAN KENDERAAN SECARA SUKARELA PERCUMA SEMPERNA HARI RAYA AIDILFITRI**

**Shah Alam, 1 Mei 2021** – Jaga jarak! Jaga kenderaan! Jom buat pemeriksaan VVI percuma! Itulah tema terbaru PUSPAKOM dalam menganjurkan kempen Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela (Voluntary Vehicle Inspection – "VVI") percuma semperna Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Kempen VVI percuma ini dianjurkan khusus untuk kenderaan persendirian di mana pemilik-pemilik kenderaan boleh membawa kenderaan mereka di mana-mana cawangan PUSPAKOM seluruh negara (kecuali PUSPAKOM Shah Alam dan Pasir Gudang) untuk menjalani pemeriksaan percuma ini mulai 2 hingga 12 Mei 2021 dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Walaupun musim perayaan ini kita tidak dibenarkan merentas negeri untuk pulang ke kampung, namun keselamatan kenderaan masih perlu dititikberatkan kerana kenderaan masih lagi digunakan untuk bergerak melakukan aktiviti harian seperti pergi bekerja dan membeli barang keperluan.

Bagi memastikan para pelanggan yang hadir pemeriksaan mematuhi SOP yang di tetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga bagi mengelak daripada kesesakan di cawangan PUSPAKOM, semua pelanggan yang ingin menjalani pemeriksaan percuma ini dikehendaki membuat temujanji secara dalam talian terlebih dahulu di [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my). Fi pemprosesan MyPUSPAKOM yang dikutip pada waktu tempahan akan dipulangkan setelah pemeriksaan selesai.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail VVI secara percuma ini diadakan bagi mengubah minda masyarakat.

“VVI secara percuma ini dianjurkan untuk kita mengubah persepsi masyarakat dan meningkatkan kesedaran serta kefahaman mereka terhadap aspek keselamatan kenderaan. Kenderaan bukan hanya perlu diselenggara pada musim perayaan, atau sebelum memulakan perjalanan jauh, tetapi juga harus menjalani pemeriksaan secara berjadual. Ini akan memastikan keadaan kenderaan beroperasi pada tahap yang terbaik. Terdapat 25 item yang akan diperiksa iaitu termasuk ujian brek, gelincir sisi, tayar, suspensi, asap, lampu, cermin gelap, bahagian atas dan bawah kenderaan dan banyak lagi,” jelas Shukor.

Selain di cawangan, Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM akan turut berada di dua lokasi bagi menawarkan pemeriksaan percuma ini iaitu di Wisma DRB-HICOM, Shah Alam pada 3 Mei ~~dan di Lotus's Ara Damansara\* pada 8 Mei 2021 dengan kerjasama Persatuan Pengguna Jalan Raya Kebangsaan (PPJK). Unit Pemeriksaan Bergerak ini akan beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada tarikh tersebut.~~

Sebarang maklumat terkini, orang ramai boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000 atau Live Chat di [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd.

-tamat-

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Leong Pei Yee**

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7465

**Eily**

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7322

**Mohd Izzat Intanjudin**

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7464